

MENUKARKAN SUSUNAN AYAT

Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya terletak pada bahagian hadapan yang diikuti oleh bahagian predikat selepasnya.

Contoh:

- Mereka bermain bola sepak pada waktu petang.

Subjek	Predikat
Mereka	bermain bola sepak pada waktu petang.

Ayat susunan songsang pula ialah ayat yang mempunyai susunan yang berlawanan dengan ayat susunan biasa. Ayat susunan songsang ialah ayat yang mendahulukan predikat yang diikuti oleh subjek selepasnya.

- Bermain bola sepak pada waktu petang mereka.

Predikat	Subjek
Bermain bola sepak pada waktu petang.	mereka.

Ayat susunan songsang juga boleh terbentuk apabila sebahagian daripada predikat, iaitu keterangan dikedepankan. Ayat songsang seperti ini dikenal sebagai ayat songsang sebahagian predikat.

- Pada waktu petang mereka bermain bola sepak.

Keterangan	Subjek	Predikat
Pada waktu petang	mereka	bermain bola sepak.

atau

- Bermain bola sepak mereka pada waktu petang.

Predikat	Subjek	Keterangan
Bermain bola sepak	mereka	pada waktu petang.